

# MoU UMS-NPUST

## bantu pergiat bidang penyelidikan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

UB 31-07-2012 B5

**KOTAKINABALU:** Dalam usaha mempergiatkan kerjasama penyelidikan antara dua institusi, Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 'National Pingtung University of Science and Technology' (NPUST), Taiwan.

Naib Canselor UMS, Prof Mohd Harun Abdullah berkata menerusi MoU berkenaan, potensi kerjasama yang lebih baik dapat dijalinan oleh kedua-dua universiti.


Menurutnya, usaha itu membantu mempergiatkan lebih banyak aktiviti berkaitan terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pendidikan.

"NPUST dilihat mempunyai kekuatan dalam aspek pengkomersilan yang mana mereka mampu mendapatkan peruntukan kewangan sendiri.

"Justeru, kekuatan dari aspek berkenaan akan kita lihat dan pelajari untuk memperkukuhkan potensi sedia ada di UMS ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis menandatangani MoU berkenaan di sini kelmarin.

Harun berkata, bidang seperti pengkomersilan, bisnes dan ekonomi antara kekuatan yang dimiliki NPUST selain bidang



**HARUN (tiga kiri) bertukar memorandum dengan Mike (dua kanan) pada majlis itu bersama pegawai utama kedua-dua universiti.**

pertanian.

Jelasnya, bagi kerjasama itu, pertukaran pegawai dan pelajar akan dibuat untuk melihat apa lagi potensi yang boleh diterokai dalam menjalin kerjasama erat antara UMS dan NPUST.

"Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) baru-baru ini turut menandatangani Kenyataan Keyakinan Bersama (SoC) dengan kerajaan Taiwan bagi tujuan memudahkan urusan pertukaran pelajar dan aspek akademik.

"MoU hari ini juga mencipta sejarahnya tersendiri sebagai kerjasama pertama yang dimeterai selepas SoC berkenaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap menerusi kerjasama ini lebih banyak lagi bidang penyelidikan yang dapat diterokai dan dipergiatkan termasuklah pemuliharaan hidupan liar, biologi, pertanian mapan, sains makanan dan perhutanan.

Sementara itu, Presiden NPUST, Dr Mike Guu berkata sejak ditubuhkan 88 tahun lalu, NPUST mempunyai banyak kekuatan bidang penyelidikan seperti pertanian, pengurusan kejuruteraan dan pemuliharaan hidupan liar.

"Kami juga menjalin kerjasama erat bersama pihak industri yang mana ia turut memberi lebih banyak peluang kepada pelajar.

"Selepas tamat pengajian,

para graduan NPUST memperoleh banyak peluang kerjaya dalam bidang perindustrian yang digiatkan menerusi kerjasama ini," jelasnya.

Beliau berkata, UMS adalah universiti kedua bagi NPUST menjalin kerjasama dalam aspek pendidikan dan penyelidikan selepas Universiti Putra Malaysia (UPM).

Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Henry Chin; Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said; Dekan Perhubungan Antarabangsa NPUST, Dr Henry Chen; dan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Datuk Dr Mohd Kasim Md Mansur.